

## **BAB V**

### **PERANAN DAN SUMBANGAN DALAM TASAWUF**

#### **Pendahuluan**

Daripada ketiga perkara asas unsur agama yang meliputi usuluddin, fiqh dan tasawuf, tasawuf pada peringkat awal perkembangan Islam di rantau Alam Melayu adalah lebih dominan, malah mewarnai hampir seluruh aktiviti keagamaan, terutama di Aceh pada masa itu. Hal ini diakui oleh antara lain A.H. Johns seperti yang dikutip oleh Azyumardi Azra yang menyebutkan bahawa penyebaran agama Islam yang sejak abad ke-13M. semakin cepat meluas di Alam Melayu, adalah terutama atas kegiatan pengamal tasawuf yang mampu menyajikan Islam dalam bentuk yang menarik, khususnya dengan menekankan kesinambungan kebudayaan masyarakat dalam konteks Islam<sup>1</sup>.

Selain itu, ajaran tasawuf juga tidak kurang daya tariknya. Menerima ajaran tasawuf dan memasuki tarekatnya bererti memasuki sebuah keluarga besar yang saling tolong-menolong. Tambahan pula, banyak anggota tarekat itu merupakan saudagar yang belseyar ke seluruh dunia Islam<sup>2</sup>. Itulah sebabnya pada suku pertama abad ke-17M., ada empat tarekat yang berkembang luas di dalam

---

<sup>1</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. (Bandung : Mizan, 1994), hlm. 32-33.

<sup>2</sup> Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. (Jakarta : Erlangga, 1993), hlm. 41.

kerajaan Aceh, iaitu tarekat Qadiriyah, Naqsyabandiayah, Syatariyah dan Suhrawardiyah<sup>3</sup>.

### **Perkembangan Awal Tasawuf di Alam Melayu**

Tasawuf yang dianggap memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islam di Alam Melayu, kemunculannya di rantau ini ditandai oleh adanya keseimbangan perkembangan dua corak ajaran tasawuf, iaitu tasawuf praktikal (tasawuf amali) dan tasawuf teoritikal (tasawuf nazari). Tasawuf praktikal diamalkan melalui tata tertib ajaran tarekat tertentu, sedangkan tasawuf teoritikal dipelajari dan dikaji melalui pendekatan falsafah<sup>4</sup>. Sebenarnya kedua corak ajaran tasawuf ini mulai tumbuh di dunia Islam sejak abad ke-3 H., di mana para pengamal tasawuf telah memperlihatkan kecenderungan mereka pada dua corak ajaran tasawuf tersebut. Oleh kerana itu, ketika tasawuf mula bertapak dan menampakkan perkembangannya di Alam Melayu, kedua corak ajaran tasawuf ini menyatu pada diri para pengamal tasawuf di Alam Melayu. Di satu sisi, mereka mengkaji tasawuf teoritikal, sementara di sisi lain mereka juga pengamal tarekat-tarekat sufi<sup>5</sup>.

Di Alam Melayu, kajian yang mendalam tentang tasawuf teoritikal terlihat pertama kali pada Hamzah Fansuri<sup>6</sup>. Beliau adalah seorang sufi pujangga

---

<sup>3</sup> Ibid . hlm.41.

<sup>4</sup> Yunasril Ali. **Manusia Citra Ilahi**. (Jakarta : Paramadina, 1997), hlm. 183.

<sup>5</sup> Ibid . hlm. 184.

<sup>6</sup> Meskipun beliau seorang ulama besar dan tokoh tasawuf yang terkenal, namun tidak banyak yang mengetahui tentang riwayat hidupnya. Menurut Kraemer, Doorenboos dan Winstedt, yang Hamzah hidup pada suku pertama abad ke-17 M. Manakala Voorhoeve dan Drewes pula

penganut tarekat Qadiriyyah, yang dikatakan sebagai pelopor ajaran wahdat al-wujud atau wujudiyah di Alam Melayu. Hamzah yang banyak terpengaruh dengan ajaran wujudiyah Ibn Arabi dan al-Jilli ini langsung mengaitkan dirinya dengan ajaran para sufi Arab dan Parsi sebelum abad ke 16 M., terutama Abu Yazid al-Bustami, al-Hallaj, Farid al-Din al-Athar, Junayd al-Baghdadi, Ahmad al-Ghazali, Rumi, Maghribi, Mahmud Sabistari, Iraqi dan Jami<sup>7</sup>.

Dalam hasratnya bagi menginsafkan saudara-saudara sebangsa yang tidak menguasai bahasa Arab dan Parsi, Hamzah menghasilkan tiga serangkai (trilogi) tasawuf dalam bahasa Melayu. Ketiga-tiga karya tersebut agak berlainan dalam cara menyampaikan isinya. Karangan yang pertama berjudul **Syarab al-Asyikin** yang dikenali juga dengan judul **Zinat al-Muwashhidin** adalah merupakan kitab panduan sistematik yang agak ringkas dan mudah difahami buat para penuntut yang baru menempuh jalan pengenalan Tuhan. Menurut Hamzah, makrifat (mengenal) Allah itu terlalu susah dan hanya boleh dipelajari oleh murid yang bijaksana di bawah guru yang sempurna<sup>8</sup>.

Karya tasawufnya yang kedua adalah **Asrar al-Arifin** atau judul

---

berpendapat bahawa Hamzah hidup pada suku kedua abad ke-16 M. Alasan yang dikemukakan bahawa Hamzah adalah pengikut ajaran Ibn Arabi yang mengajar martabat lima dan tidak banyak mengetahui tentang ajaran martabat tujuh yang merupakan ciri khusus ajaran Syamsuddin al-Sumatrani.Untuk maklumat lanjut sila lihat Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusastraan*, hlm.43.

<sup>7</sup> Abdul Hadi W.M., *Hamzah Fansuri : Risalah Tasawuf dan Puisi-puisinya*. (Bandung : Mizan, 1997), hlm.20.

<sup>8</sup> V.I. Braginsky, *Nada-nada Islam Dalam Sastera Melayu Klasik*. ( Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hlm. 16. Lihat juga Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusastraan*, hlm.44.

lengkapnya **Asrar al-Arifin fi Bayan Ilm al-Suluk wa al-Tauhid**. Karya ini merupakan satu ikhtisar tasawuf yang mengandungi inti ajaran wujudiyah yang ditujukan kepada pembaca yang lebih berpengetahuan<sup>9</sup>. Karyanya yang ketiga ialah kitab **al-Muntahi** yang merupakan pedoman bagi orang yang sudah arif dalam ajaran wujudiyah. Karya ini sarat dengan lambang-lambang tasawuf yang diterangkan sesingkat mungkin dan mengandungi banyak kutipan dari buah pena syeikh-syeikh dan penyair-penyair sufi, terutamanya penyair Parsi klasik<sup>10</sup>.

Selain Hamzah, Syamsuddin bin Abdullah al-Sumatrani<sup>11</sup> juga seorang pengamal tasawuf. Hamzah dan Syamsuddin adalah dua tokoh tasawuf aliran wujudiyah yang terkenal. Meskipun Syamsuddin merupakan murid Hamzah, namun mereka mewakili dua golongan ahli sufi yang berlainan. Hamzah adalah ahli sufi pencari Tuhan, kerana dorongan batinnya mencuba mendekati Tuhan. Sementara Syamsuddin adalah ahli sufi falsafah yang merasakan keperluan mengenali hakikat dari segala yang ada serta mengetahui kesatuan yang tersembunyi. Tetapi baik Syamsuddin maupun Hamzah, masing-masing mengakui dan mengenal hakikat Tuhan. Yang berbeza ialah Syamsuddin

<sup>9</sup> V.I.Braginsky, **Nada-nada**, hlm. 17.

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 17.

<sup>11</sup> Tokoh yang memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran dan praktik keagamaan umat Islam serta banyak mendominasi wacana intelektual pada peringkat awal di Kesultanan Aceh ini, tidak banyak mengetahui tentang riwayat hidupnya. Hanya sahaja dari kitab seperti Bustanus Salatin dan Hikayat Aceh serta catatan orang-orang Eropah yang mengunjungi Aceh pada akhir abad ke-16M dan awal abad ke-17M, kita mengetahui bahawa Syamsuddin adalah seorang tokoh yang sangat penting di istana Aceh. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Azyumardi Azra, **Jaringan Ulama**, hlm.166-169. Lihat juga Muhaminad Yusoff Hashim, **Persejarahan Melayu Nusantara**. (Kuala Lumpur : Teks Publishing, 1988), hml.217.

berpendapat bahawa dalam usaha mendekati atau mengenal Tuhan, kita harus dipimpin oleh guru yang sempurna, supaya kita tidak sesat. Tujuan akhir yang hendak dicapai oleh pengamal tasawuf ialah makrifat, iaitu pengetahuan tentang segala yang meliputi<sup>12</sup>.

Oleh kerana pembakaran yang dilakukan atas perintah Sultan, maka hasil karya Syamsuddin yang sampai kepada kita sedikit sekali, dan kebanyakan merupakan bahagian yang tidak lengkap. Di antaranya ialah **Mir'at al-Mu'minin**. Karya ini berupa soal jawab tentang keimanan dan dan menurut Werndly, ia hanya mengandungi 211 pertanyaan. Tetapi menurut naskah Leiden (cod Or 1700) hanya mengandungi 95 pertanyaan sahaja. Di dalamnya membicarakan tentang sifat dan wujud Allah, syahadat, tauhid, makrifat iman dan Islam<sup>13</sup>. Karyanya satu lagi ialah **Mir'at al-Muhaqqiqin**.

Sebagai reaksi terhadap ajaran tasawuf wujudiyah yang dibawa oleh Hamzah dan Syamsuddin, muncul Nuruddin ar-Raniri dan Abdul Ra'uf al-Sinkili. Di antara karya Nuruddin dalam bidang tasawuf ialah **Asrar al-Insan fi Ma'rifat al-Ruh wa al-Rahman**, **Fath al-Mubin ala al-Mulhidin**, **Jawahir al-Ulum fi Kasyf al-Ma'lum**, **Hill al-Zill** dan **Hujjat al-Siddiq li Dafi al-Zindik**<sup>14</sup>. Begitu juga dengan Abdul Ra'uf, selain banyak menghasilkan karya dalam bidang fiqh, beliau juga merupakan seorang yang menulis ilmu tasawuf.

<sup>12</sup> Liaw Yock Fang, **Sejarah Kesusastraan**, hlm.49.

<sup>13</sup> Ibid., hlm.47.

<sup>14</sup> Ahmad Daudy, **Allah dan Manusia Dalam Konsep Syeikh Nuruddin ar-Raniri**. ( Jakarta : Disertasi, 1981), hlm. 66. Lihat juga Azyumardi Azra, **Jaringan Ulama**, hlm. 166-184.

Di antara karyanya dalam bidang tasawuf ialah **Kifayat al-Muhtajin ila Masyrah al-Muwahiddin al-Qa'ilin bi Wahdat al-Wujud dan Daqa'iq al-Huruf**. Selain itu, ulama-ulama lain dari Alam Melayu yang membuat kajian tentang tasawuf ialah Muhammad Yusuf al-Makasari, Abdul Shamat al-Palimbani, Muhammad Nafis al-Banjari dan Daud bin Abdullah al-Patani. Diantara karya-karya mereka dalam bidang tasawuf ialah **Zubdah al-Asrar, Taj al- Asrar, Mathalib al-Salikin, Sayr al-Salikin ila Ibadah Rabb al-Alamin, Hidayah al-Salikin fi Maslak al-Muttaqin, Durr al-Nafis Manhal al-Shafi**<sup>15</sup>.

### **Peranan Dan Sumbangannya Dalam Tasawuf**

Dalam pembahasannya mengenai tasawuf, Syeikh Ahmad al-Patani memulakan huraian dari peringkat asas tasawuf yang menjadi pokok utama mempelajarinya bagi orang-orang yang berminat dalam bidang tasawuf, iaitu pengertiannya. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa tasawuf dari segi bahasa ialah bulu, kerana ada sebahagian besar pengikut-pengikut tasawuf yang dahulu, mereka suka memakai baju yang dibuat daripada binatang. Beliau menambahkan bahawa keadaan ini agak berbeza daripada kebanyakan orang yang selalu suka

---

<sup>15</sup> Yunasril Ali, **Manusia**, hlm. 190-198. Lihat juga Azyumardi Azra, **Jaringan Ulama**, hlm.266-281.

dengan pakaian yang cantik dan indah, sedangkan ahli sufi, mereka tidak berminat dengan pakaian yang indah-indah itu.<sup>16</sup>

Manakala tasawuf dari segi istilah ahli hakikat (ahli sufi) adalah banyak. Di antaranya ialah berakhlik dengan akhlak-akhlik al-thaifat al-sufiyah, bertawasul dengan sifat-sifat mereka, bertalian dengan rantai-rantai yang bersambung dengan mereka. Syeikh Ahmad al-Patani menambah lagi, dari segi istilah, tasawuf juga boleh diertikan berhenti dengan adab-adab yang meiambangkan kepada syara' yang zahir dan yang batin. Seterusnya tambah beliau, tasawuf boleh diertikan kesempurnaan manusia dengan Islam, Iman dan Ihsan<sup>17</sup>. Huraianya kemudian diikuti dengan tujuan asas ilmu tasawuf, iaitu untuk sampai kepada Allah atau untuk mencapai ma'rifat dengan ertikata yang sebenar, atau untuk terbuka hijab (dinding) diantara hamba dengan Allah. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani, nama-nama lain bagi ilmu tasawuf ialah ilmu batin, ilmu qalbi, ilmu makasyaf, ilmu asrar, ilmu maknun, ilmu hakikat dan ilmu ladunni<sup>18</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani kemudian dapat menukilkan fatwa Syeikh al-Islam dalam kitab al-Futuhat al-Ilahiyah tentang perbezaan diantara syari'ah, hakikat dan tarekat. Menurut beliau, Syari'ah merupakan perintah atau arahan yang membiasakan (melazimkan) pengabdian dengan syarat selalu

<sup>16</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Hadiqatul Azhar wa al-Rayahin*. Wan Muhd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm. 233.

<sup>17</sup> Ibid., hlm. 234. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, *Penghayatan Ilmu*, hlm. 31.

<sup>18</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Hadiqatul Azhar*, hlm. 237.

membiasakan diri dengannya. Manakala tarekat pula menjalani jalan syari'ah, iaitu segala amalan syari'ah yang mempunyai batas seperti keadaan solat dua raka'at, tiga raka'at serta mempunyai cara seperti keadaan fardhu dan sunat, berwaktu atau tidak berwaktu atau yang tidak ditentukan waktunya. Sedangkan hakikat ialah tinggal akan perjalanan, iaitu bermaksud melihat ketuhanan dengan mata hati (basirat), atau dengan kata lain melihat rahsia yang melambangkan kepada makna yang tiada batas (had) dan tiada arah bagiinya (melalui zuq)

Syeikh Ahmad al-Patani kemudian menyebut maqam sufi iaitu, maqam mahabah (cinta kepada Allah), asyiq (indu kepada Allah), maqam farq (berpisah), maqam al-jam'e (berhimpun) dan lainnya. Belau seterusnya menerangkan lagi tentang kedudukan syari'ah, tarekat dan hakikat dalam dunia sufi, dimana yang zahir itu ialah syari'ah dan tarekat, manakala yang batin ialah hakikat. Ketiga-tiga ini hendaklah digandingkan diantara satu sama lain kerana jalan untuk sampai kepada ma'rifat Allah yang hakiki itu mestilah berjalan serentak, lahir dan batin. Kemudian batin itu mesra dalam syari'ah dan tarekat. Belau membuat perumpamaan bahawa batin itu ibarat keju di dalam susu, yang mana di dalam susu tidak nyata (nampak) keju. Oleh itu jelaslah dari kombinasi tiga serangkaian tersebut (tarekat, syari'ah dan hakikat) mewujudkan pengabdian ke arah yang dituntut kepada seseorang untuk menjadi hamba Tuhan yang sempurna.<sup>19</sup>

<sup>19</sup>Ibid, hlm. 238. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm. 32

Syeikh Ahmad al-Patani seterusnya menyebut dari kitab **Jawahir al-Fiqh** bahawa ilmu qalbi itu ialah zuqi, ertiinya melambangkan perasaan semata-mata juga adalah ia dari wajdan yang ertiinya dinisbahkan kepada hasil yang tidak dapat digigit, dikomentari oleh lidah, ditulis oleh mata pen dan diliputi oleh daftar-daftar yang waham. Kedudukannya pada pengetahuan yang zahir itu umpsama buah dengan pokok, kemuliaan tetap bagi pokok kerana ia mendapat nama, tetapi pokok tidak bermanfaat jika tidak berbuah. Beliau kemudian menambahkan lagi bahawa buah tidak dapat juga jika pokok tidak hidup subur.<sup>20</sup>

Syeikh Ahmad al-Patani menekankan bahawa pentingnya mujahadat, khawat dan zikir kepada Allah untuk menghasilkan terbuka (kasyaf) dinding hissi (sesuatu yang dicapai dengan pancaindera lima), terbuka rahsia yang lebih atas (tinggi) daripada rahsia-rahsia pekerjaan Allah, dan tentang kedudukan roh serta berkaitan dengan mujahadat, khawat dan zikir. Beliau juga menyebut tentang kejayaan roh melalui zikir dan sebagainya.<sup>21</sup>

Syeikh Ahmad al-Patani seterusnya menjelaskan tentang pembahagian iman menurut ahli tasawuf.. Beliau menyebut iman yang pertama ialah iman hukmi, iaitu dihukum Islam seperti kanak-kanak kecil dan orang gila. Kedua beliau namakan iman i'tiqadi, iaitu kesungguhan hati yang tidak mungkin hilang iman itu Ketiga ialah iman istidlal, iaitu beriman kerana mendapat dalil. Seterusnya beliau menyebut iman syahudi (iman daripada istidlal kepada

<sup>20</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Hadiqatul Azhar**, hlm.239.

<sup>21</sup> Ibid , hlm. 248.

musahadat), iman kasyafi (semata-mata kepada Allah sehingga ia lupa kepada yang selain dari Allah), iman ayati (terbuka dinding kelalaian), dan terakhir iman zuqi (hasil kelazatan munajat ke hadhrat Allah). Dikatakan juga bahawa pada iman yang kedua ilmu al-yakin, pada yang ketiga ain al-yakin dan pada yang keempat hak al-yakin<sup>22</sup>.

Berdasarkan kupasan-kupasannya mengenai tasawuf, penghayatan Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang tasawuf dapat dilihat dari tiga bentuk jenis pengajian, iaitu tasawuf zawahir, sederhana dan bawatin. Tasawuf peringkat pertama ialah kitab-kitab yang isinya membicarakan jenis-jenis lahiriyah yang tidak mendalam atau dengan kata lain ianya boleh dibaca dan difahami sendiri kalau seseorang itu dapat menguasai bahasa Arab dengan baik<sup>23</sup>.

Di antara bentuk-bentuk tasawuf peringkat ini ialah seperti galakan (terghib) memperbanyakkan amalan sunat, seperti solat sunat, puasa sunat mengambil berat tentang mengerjakan ibadat samada ibadat wajib mahupun yang sunat serta hendaklah menjauhkan diri dari sifat-sifat mazmumah (yang tercela), seperti sifat dengki (hasad), takbur, banyak bercakap yang tidak berfaedah (syr al-kalam), dendam, putus asa dari rahmat Tuhan (al-qunuth), mengumpat (ghibah), banyak makan (syr al-tha'an), marah yang tidak kena pada tempatnya dan sebagainya. Pada masa yang sama hendaklah menghiasi diri

---

<sup>22</sup> Ibid., hlm.219-220.

<sup>23</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.29.

dengan sifat-sifat mahmudah ( yang terpuji), seperti bertaubat, sabar, tawakal, al-qana'ah ( cukup dengan apa yang ada) zuhud, baik nafsu (afatu al-nafsu), lemah lembut (halmum) dan lain sebagainya Ringkasnya tasawuf pada peringkat ini merupakan persiapan awal atau perintis jalan untuk sampai kepada tahap yang lebih tinggi terutama kepada mereka yang berminat memasuki dunia kesufian<sup>24</sup>.

Manakala tasawuf peringkat sederhana pula ialah isinya tidak terlalu mudah difahami dan tidak terlalu tinggi Tasawuf peringkat ini ialah semata-mata memberi garis panduan umum kepada orang-orang yang sedang menjalani segala daya usaha memcrangi hawa nafsu dan syaithan dengan mengekalkan amalan wirid tarekat yang diberikan oleh guru yang ahli untuk mencapai matlamat akhir iaitu mengenal Allah S.W.T. dalam bentuk hakikat yakin. Panduan seperti ini boleh dilihat dalam kitab *hikam ibn arha'* Allah atau kitab-kitab yang lain<sup>25</sup>.

Adapun tasawuf peringkat bawatin ialah bercakap

tentang orang-orang yang telah berjaya dalam tasawuf peringkat sederhana iaitu mereka telah bersih basirahnya dari benda-benda lain daripada Allah (aghyar) dengan menggunakan pendekatan zikir tarekat yang diterima dari guru yang ahli, yang mana mereka ini telah sampai kepada Allah melalui salah satu daripada empat perkara, iaitu *af'al Allah* (*tauhid al-af'al*), *asma' Allah* (*tauhid al-asma'*),

<sup>24</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Basyarat al-Amilin wa Nazarat al-Ghafilitin*, (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1999), hlm.39-40.

<sup>25</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, *Penghayatan*, hlm.29.

sifat Allah ( tauhid al-sifat) dan zat Allah (tauhid al-zat). Diantara tarekat-tarekat yang ada pada masa itu, beliau merupakan seorang ulama yang menganut hampir semua tarekat-tarekat yang sedang terkenal pada masa itu. Diantara tarekat yang beliau menerima ijazah ialah Tarekat Ahmadiyah<sup>26</sup> dan Tarekat Syatariyah.

### **SYEIKH AHMAD AL-PATANI DAN KESUSASTERAAN SUFI**

Sastera sufi sesungguhnya merupakan karya yang terkaya dan terindah dalam sejarah perkembangan Tamadun Islam jika dilihat dari sudut mana sekalipun, sama ada dari segi norma akliyah, rohaniah, estetika atau keberkesanannya. Ia sebenarnya merupakan sastera suci. Berikut adalah diantara nazham syair sufi Syeikh Ahmad al-Patani yang sarat dengan nasihat dan paparan yang sangat indah dan berguna. Beliau mulainya dengan berbunyi :

“Hai saudara yang berkehendak akan untung  
Dengar dengan kira-kira dan beritung  
Akan pesanan yang dalam ini patung  
Jadi kamu segala orang yang muttaqin<sup>27</sup>

Yang dimaksudkan oleh Syeikh Ahmad al-Patani dengan “berkehendak akan untung” dalam syair di atas ialah keuntungan dunia dan akhirat, iaitu

<sup>26</sup> Tarekat Ahmadiyah beliau menerima ijazah dari Sayyid Ibrahim Rasyidi yang meninggal pada 9 Sya'ban 1291H/ 1874M. Adapun Tarekat Syatariyah beliau menerima ijazah dari Syeikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa al-Patani ( ayahnya sendiri), Syeikh Muhammad bin Ismail Daudy al-Patani, Syeikh Wan Ali Kutani al-Kalantani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Patani.

<sup>27</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, **Penjelasan Nazham Syair Shufi Syeikh Ahmad al-Patani**. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1993). blm. 23.

mempunyai ilmu yang benar dengan bertauhid menurut aqidah Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah dan mengamalkan sekalian ilmunya. Pada baris terakhir syair ini terdapat perkataan "muttaqin", iaitu orang-orang yang bertakwa kepada Allah zahir dan batin. Sangat banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi membicarakan tentang takwa. Dalam konteks ini, Syeikh Ahmad al-Patani di kitabnya **Hadiqatul Azhar** memetik sepotong ayat dalam surah al-Baqarah ayat 197 yang erti dan terjemahan menurut Sveikh Ahmad al-Patani ialah, "Dan mengambil bekal olehmu, maka sebaik-baik bekal itu ialah takut akan Allah Ta'ala. Dan takut oleh kamu akan Daku, hai sekalian yang mempunyai akal".<sup>28</sup>

Berdasarkan ayat di atas, Syeikh Ahmad al-Patani membuat penafsiran bahawa kita di atas dunia ini scolah-olah orang dagang, tinggal bukan di negerinya. Maka tidak dapat tidak kita mesti menyediakan bekal untuk membawa pulang ke tempat asal kita. Dan bekal itu menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah takwa dan amal yang soleh Beliau serusnya membuat perumpamaan bahawa kita di dunia ini seperti orang yang di dalam perjalanan pulang ke tempat asalnya. Tiap-tiap melangkah satu langkah hampir sedikit daripada tempatnya. Demikianlah tiap-tiap lalu satu nafas daripada nyawa kita, bertambah hampir kita daripada mati. Dan tiada ketahui kita di dalam nafas yang sesaat inikah atau yang satu lagi.<sup>29</sup> Beliau seterusnya menyebut di dalam

---

<sup>28</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani. **Hadiqatul Azhar wa al-Rayahin**. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm. 218.

<sup>29</sup> Ibid., hlm.218.

syairnya tentang langkah-langkah menuju kesempurnaan seseorang dengan menyebut :

Mengaji kamu akan syara' supaya shahih  
Tauhid kamu, taat kamu dengan shariih  
Usaha kamu halal haramnya muttadhih  
Daripada guru-guru yang 'alimin<sup>30</sup>

Pada baris pertama syair ini, Syeikh Ahmad al-Patani dengan jelas menganjurkan supaya ilmu yang terlebih dahulu dipelajari ialah ilmu syara'. Ilmu ini disebut juga dengan ilmu fiqh. Mempelajarinya adalah serentak dengan ilmu tauhid. Dalam pandangan ulama tradisional termasuk Syeikh Ahmad al-Patani bahawa ada tiga disiplin ilmu yang wajib terlebih dahulu dipelajari, iaitu fiqh, tauhid dan tasawuf. Untuk mempelajari ilmu-ilmu ini memang memerlukan para guru yang benar-benar alim dan diakui oleh pakar dalam bidang masing-masing tentang keahlian dan kebenaran ilmu yang diajar dan diamalkannya<sup>31</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani telah menetapkan urutan-urutan ilmu yang mesti dikuasai oleh seseorang sebelum memasuki tarekat. Hal ini dapat kita semak dalam nazham syairnya yang berbunyi :

"Kemudian masuk kamu ke tharikat  
Dengan guru alim zahir dan hakikat  
Jangan guru yang makrifatnya tersikat  
Telah banyak sesat menyesat yang mufsidin<sup>32</sup>

<sup>30</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, **Penjelasan**, lhm.24.

<sup>31</sup> Ibid., lhm. 25.

<sup>32</sup> Ibid. lhm. 26.

Dari kalimat baris pertama, “Kemudian masuk kamu ke tharikat”, bererti setelah sempurna mempelajari ilmu fiqh, tauhid dan tasawuf, langkah seterusnya adalah mesti memasuki tarekat, yang mana ia adalah merupakan intipati daripada tasawuf. Dalam hal ini Syeikh Ahmad al-Patani ketika menulis tentang tasawuf dan tarekat telah menyebut bahawa bagi mereka banyak mempunyai adab yang tertentu dan pelbagai peristilahan.<sup>33</sup>

Sama seperti disiplin-disiplin ilmu yang lain, fiqh contohnya yang ditulis oleh fuqaha dengan kumpulan ilmu fiqh dan usul fiqhnya, demikian juga tauhid, tafsir dan lain-lain, maka tidak ketinggalan tokoh-tokoh tasawuf menulis kitab-kitab tasawuf dan kepelbagaian tarekatnya. Imam Ghazali dalam karya agungnya **Ihya Ulumiddin** telah mengkombinasikan tasawuf dan tarekat.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani, bahawa yang dimaksudkan dengan tarekat itu adalah semata-mata ibadat jua.<sup>34</sup> Dalam Mir-atul A'ajib, beliau menambahkan bahawa asal tarekat itu adalah benar, kerana ia tiada lain, melainkan zikir La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah<sup>35</sup>. Mengenai ilmu tasawuf dan tarekat ini, Syeikh Ahmad al-Patani dengan panjang lebar beliau membuat huraian tentang pengertian, kedudukan dan kepentingannya dalam karya beliau **Hadiqatul Azhar**<sup>36</sup>.

<sup>33</sup> Ibid., hlm. 27.

<sup>34</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Haqatul Azhar**, hlm. 233.

<sup>35</sup> Syeikh Ahmad bin Muhanunad Zain al-Patani, **Mir-atul A'ajib fi Jawabi Su-alih Majazib**, dalam **Al-Fatawal Fathaniyah**, (Kota Bharu : Matba'ah Kamaliyah, II), hlm.27.

<sup>36</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Hadiqatul Azhar**, hlm. 233-254.

Syeikh Ahmad al-Patani merupakan salah seorang ulama Alam Melayu yang terbanyak menghasilkan karya-karya sastera jika dibandingkan dengan ulama-ulama Alam Melayu yang lain yang terdapat pada zamannya. Kedudukannya dalam bidang sastera baik sastera Arab mahupun sastera Melayu-Islam semakin diakui oleh pengkaji-pengkaji sastera baik tempatan mahupun luar negara. Salah satu pengakuan yang dibuat oleh pengkaji tempatan telah dikemukakan oleh Syafie Abu Bakar dalam Teori Sastera Islamnya dengan nama Teori Takmilah. Syafie Abu Bakar nampaknya tanpa ragu-ragu telah memilih dan menggunakan kitab **Hadiqatul Azhar** karya Syeikh Ahmad al-Patani sebagai contoh<sup>17</sup>.

Teori Takmilah yang dikemukakan oleh Syafie Abu Bakar sebagai Teori Sastera Islam untuk kesusasteraan Melayu-Islam nampaknya semakin diterima oleh pengkaji-pengkaji sastera terutama sastera Melayu-Islam seperti diantaranya sasterawan Negara Dato' Shahnon Ahmad dan Prof. Madya Manasikana dalam perbahasan mereka pada Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, pada 5-8 September 1993<sup>18</sup>.

Secara umum, karya-karya kesusasteraan Syeikh Ahmad al-Patani, terutama puisi, semuanya menyentuh nilai-nilai keagamaan. Dalam kelompok umum ini, terdapat apa yang dikatakan puisi sufi. Puisi-puisi ini boleh dikatakan

---

<sup>17</sup> Syafie Abu Bakar, " Teks Hadiqatul al-Azhar wa al-Rayahin Sebagai Model Sastera Islam", dalam Othman Puteh, **Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa**. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hlm.136.

<sup>18</sup> Ibid., hlm.159.

tidaklah dikarang khas untuk satu-satu karya, seperti sesebuah antologi puisi. Oleh kerana itu, ia dapat dilihat dalam karangan rencam, maksudnya dalam karangan prosa terselitlah puisi beliau<sup>19</sup>.

Dalam kesusasteraan Islam antarabangsa, karya tasawuf dalam bentuk prosa yang diselang-seli dengan puisi, dapat dikatakan dirintis oleh Ahmad Ghazali dalam karyanya **Savanih**. Dalam sejarah kesusasteraan kita pula, Hamzah Fansuri berjaya merintis lapangan ini dengan menghasilkan **Asrar al-Arifin ri Bayan Ilm al-Suluk wa al-Tawhid**<sup>20</sup>.

Keistimewaan Syeikh Ahmad al-Patani dalam menghasilkan karya sastera tidaklah terbatas kepada karyanya sendiri (antara contohnya **Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin**), malah beliau begitu banyak menyumbangkan puisinya dalam buku-buku karangan ulama lain. Ini berpunca daripada peranannya sebagai pentashih (penyemak atau editor) sesebuah karya. Pada zaman moden ini, kerjasama ilmiah kita dapati hanya pada tahap teguran dan pembetulan sahaja untuk satu-satu manuskrip sebelum ia dicetak dan diterbitkan. Namun buat zaman Syeikh Ahmad al-Patani, peranan itu lebih besar dan disanjung kerana sumbangan yang lebih besar dan mencabar bakat seseorang pentashih<sup>21</sup>.

---

<sup>19</sup> Muhammad Bukhari Lubis, "Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad al-Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Islam" ( kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu V, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, UKM, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, pada 12-13 September 1997), hlm.3.

<sup>20</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>21</sup> Mahayudin Haji Yahaya, **Islam Di Alam Melayu**. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan pustaka, 1998), hlm. 71.

Dalam konteks ini, kita mendapati puisi ilmuan-sasterawan sufi ini, tentang tauhid ditulis dalam karya orang lain seperti **Bidayat al-Hidayat** oleh Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh, **al-Durr al-Thamin** oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, **Zahrat al-Murid** oleh Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani, dan **al-Muqaddimah al-Kubra** oleh Syeikh Ismail bin Abdullah al- Minankabawi<sup>42</sup>.

Demikian pula sumbangan puisinya dalam kitab-kitab fiqh seperti **Sabil al-Muhtadin** oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, **Furu' al-Masa'il** oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan **Kashf al-Litham** oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani<sup>43</sup>.

Dalam kitab-kitab hadith juga beliau turut memberi sumbangan puisi, seperti dalam **Kashf al-Ghummah** oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, **al-Jawahar al-Mauhub** oleh Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani, dan **al-Kaukab al-Durri** oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani. Tidak ketinggalan dalam karya yang membahas al-Quran dan tajwid, seperti **al-Mawahib al-Makkiyah** oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani (karya gurunya), **Maurid al-Zam'an** oleh Syeikh Abdullah bin Qasim Senggora, dan **Mujarrabat al-Fawaid** oleh Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Husein bin Mustafa al-Aidrus<sup>44</sup>.

---

<sup>42</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, **Penjelasan**, hlm.64-102.

<sup>43</sup> Ibid., hlm.82.

<sup>44</sup> Muhammad Bukhari Lubis, **Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad**, hlm.4.

Tentang puisi sufinya, sumbangannya dapat ditelaah, antara lain dalam buku tokoh lain seperti **Hidayat al-Salikin** oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, **Siyar al-Salikin** oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, **Syarah Kitab Hikam**, dan **Fath al-Arisin** oleh Syeikh Ahmad Khatib Sambas. Dalam karya bidang lain, terdapat juga puisinya, seperti dalam **Luqtat al-Ajlan** dan buku perubatan **Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan**, yang kedua-duanya adalah karya beliau sendiri<sup>45</sup>.

Menurut kajian Dr. Muhammad Bukhari Lubis, selepas Hamzah Fansuri yang menjadi pelopor puisi **mulamma**<sup>46</sup> dalam kesusasteraan Melayu Islam, muncullah –selepas beberapa abad– Syeikh Ahmad al-Patani untuk mengetengahkan genre yang sama, misalnya :

Dan dicetirakan padanya kan segala yang menakuti daripada ehwal al-jahim dan dinazam pada suluk asrarnya akan segala lu'lu' akhbar jannat al-na'im dan diisnadkan sekaliannya kepada thiqat al-ulama tahqiq maka lazimlah atas segala hati bahawa ada ia baginya Abu Bakar al-Siddiq dan sesungguhnya jika lau dituliskan risalah ini atas safā'ih al-fiddah ma'a al-adhab nescaya berpatutanlah demikian itu dengan mahasinnya yang indah lagi 'ajab.

Kemampuan Syeikh Ahmad al-Patani di dalam menghasilkan karya sastera tidak terbatas kepada bahasa Melayu sahaja, tetapi juga dalam bahasa-bahasa lain terutama bahasa Arab, baik prosa maupun puisi. Kemampuannya dalam menguasai bahasa-bahasa utama ketika itu sehingga beliau dilantik

<sup>45</sup> Ibid., hlm.5.

<sup>46</sup> Maksudnya puisi yang bait-baitnya ditulis dalam lebih daripada satu bahasa. Antara penyair sufi yang menghasilkan mulamma dalam bahasa Arab dan Parsi termasuklah Hafiz dan Rumi. Terdapat sedikit sekali penyair (termasuk penyair sufi) yang berketrampilan menulis mulamma dalam bahasa Arab, Parsi dan Turki.

sebagai wakil ulama Makkah dan menjadi orang kepercayaan Kerajaan Turki Othmaniyyah. Kerana itu tidak hairanlah kalau beliau digelar sebagai al-Adib, Dhawat al- Fada'il al-Alim al-Fadil wa al-Adib al- kamil, al-Allahmah al-Adib, dan sebagainya.

Banyak perkara yang disinggung oleh Syeikh Ahmad al-Patani dalam puisi Arabnya, antaranya pujian kepada Allah, selawat kepada junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W , pandangannya tentang Saidina Abdullah bin Abbas, Rasul yang dua puluh lima, Nabi Khadir, puisi nasihat, tasawuf, sikap menggemari akhirat, ilmu , puisi sesudah talqin, kaedah darab dalam matematik, buruj, nahu dan saraf Arab, balaghah, faraid, perkara yang menyalahi adat dan lain-lain<sup>47</sup>.

Ada satu puisi yang terdiri daripada 33 bait dan ditujukannya kepada Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III, yang sering merujuknya dalam hal yang berkaitan dengan agama. Dalam puisi ini, antara yang menarik ialah harapan ilmuan ini kepada Sultan berkenaan, dari segi penulisan bahasa dan sejarah Melayu. Diantara luahannya yang diterjemah dari bahasa Arab adalah sebagai berikut :

“Kuharap majulah Melayu mencecah kemuncak peradaban dan kejayaan.Kuharap baginda menyebar ilmu makrifat petunjuk lebih utama baginda dibanggakan rakyat meraih kejayaan. Kuharap baginda menitah ulama sarjana penyalur cahaya petunjuk. Abadikan buku bahasa Melayu jangan sampai musnah mangsa perubahan masa.

<sup>47</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Syair Yang Indah* (jilid 2-3), Wan Mohd Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 2002), hlm.1-29.

Buat catatan sejarah Melayu katakan Alam Melayu lalai, padah menimpa mereka, hilang dilipa, sejarah. Cendekiawan hidupkan sejarah bangsamu, kenangan umatmu kan indah dan abadi. Hati-hatilah mengulas sebar kebaikan rajamu sebutan indah kekal selama<sup>18</sup>

Ketika kaum Muslimin di Alam Melayu mempelajari sebuah hadis yang menunjukkan ciri-ciri pengakuan (bukan perkataan atau perbuatan), mereka akan segera mendengar perkataan dabb. Dengan ringkas, kita difahamkan bahawa dabb itu sejenis biawak padang pasir. Ilmuan sasterawan-sufi ini merasakan demikian juga dalam konteks binatang yang hidup di Alam Melayu sahaja, tentu sukar dibayangkan oleh orang Timur Tengah. Kerana beliau memang terkenal dan dihormati di sana, disokong pula oleh bakat yang iuar biasa, beliau akhirnya mengambil inisiatif, secara puitis menerangkan apa itu kura-kura<sup>19</sup>

Menurut catatan Hj. Wan Mohd. Shaghir, beliau mendapat maklumat daripada Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Fatani, bahawa Syeikh Ahmad al-Patani dapat menguasai 30 bahasa, dari segi penibacaan dan perbualan. Namun begitu, Haji Abdul Hamid dengan pasti mengetahui bahawa bahasa-bahasa yang dikuasai oleh ilmuan-sasterawan-sufi ini ialah Arab, Melayu, Parsi, Turki, Urdu, Barbari, Afghan, Siam, dan Inggeris. Dalam bukunya, *Hadiqat al-Azhar*, bilangan satu hingga sepuluh dibandingkannya dalam bahasa-bahasa berikut : Melayu, Arab, Bugis, Turki, Parsi, Afghan, Hindi,

<sup>18</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Ahmad al-Fatani Ahli Fikir Islam Dan Dunia Melayu*. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1992), hlm. 107.

<sup>19</sup> Muhammad Bukhari Lubis, *Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad*, hlu. 13.

Jawa, Birma, Siam, dan Barbari. Oleh kerana kajian-kajian yang dibuat oleh Hj. Wan Mohd. Shaghir ini oleh sarjana-sarjana baik tempatan maupun luar negara masih belum memberi pengesahan tentang kesahihannya, maka sukar bagi kita untuk menetukan perkara ini, kecuali ada buktinya dalam bentuk penulisan, sama ada melalui karyanya sendiri atau catatan orang lain yang boleh dipercayai Bagaimanapun , yang jelas dikuasainya dengan mendalam sehingga mendapat pengiktirafan daripada penutur asal bahasa itu, khasnya ulamanya, ialah bahasa Arab. Demikian juga penguasaannya terhadap bahasa Melayu, Parsi, dan Turki<sup>50</sup>.

Sikap tokoh ini terhadap penguasaan pelbagai bahasa amatlah positif. Ini dapat disimpulkan daripada petikan tulisannya dalam *Hadiqat al-Azhar* .

“Dan adalah ilmu ini sangat besar manfaatnya kerana bahawasanya seseorang apabila mengetahui ia dengan beberapa loghat (bahasa) yang lain daripada loghat dirinya nescaya mudahlah baginya mu'amalah dan musahabah dengan sekalian bangsa itu. Dan tiadalah memudah-mudah mereka itu dengan dia.Dan memadalah pada kemuliaannya bahawasanya jikalau tiada dengan mengetahui akan loghat nescaya tiada berhamburan agama Islam pada yang lain daripada bangsa Arab, dan tiada diketahui akan makna Quran, Hadis, dan ahkam daripada segala kitab. Maka seyogialah bagi tiap-tiap orang yang muda-muda bahawa belajar ia akan beberapa bahasa orang hingga mahir ia padanya. Istimewa anak raja-raja dan orang besar-besar, dan sekalian saudagar maka mereka ia terlebih berhajat kepada demikian itu”<sup>51</sup>.

Sesungguhnya Syeikh Ahmad al-Patani adalah merupakan cendekiawan yang luar biasa kebolehannya, dapat menulis pelbagai disiplin ilmu , baik dalam

---

<sup>50</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Hadiqatul Azhar*, hlm.159.

<sup>51</sup> Ibid., hlm. 160-161.

bentuk prosa maupun puisi, sama ada dalam bahasa ibundanya, bahasa Arab, Parsi atau Urdu. Kemampuannya dalam menyair juga tidak boleh dipandang rendah, khasnya dalam bahasa Arab, kerana beberapa ulama yang menuturkan bahasa berkenaan sebagai bahasa ibunda turut memperakukan hal ini. Sesungguhnya sumbangan tokoh ini dari segi penulisan puisi, cukup bermakna dalam kesusasteraan islami di Alam Melayu khasnya dan dunia Islam amnya. Sahamnya dalam perkembangan dan kemajuan tamadun Islam dapat dibanggakan, khasnya dari segi keilmuan dan kesusasteraan<sup>52</sup>.

Dari segi zaman kemunculan tokoh ini dan nasib kesusasteraan ibundanya, dapat kita bandingkan –pada tahap-tahap tertentu– Syeikh Ahmad al-Fatani dengan Abdul Rahman Jami yang dianggap sebagai Sufi-Penyair-Sarjana terakhir dalam kesusasteraan Parsi klasik<sup>53</sup>.

### Kupasannya Mengenai Isu-isu Semasa Dalam Bidang Tasawuf

Pada tahun 1320-an Hijriyah bersamaan dengan 1905M. di Kelantan telah muncul Tarekat Ahmadiyah yang dibawa oleh Haji Muhammad Said (Haji Encik Id). Kemunculan tarekat ini mendapat tanggapan serius di kalangan istana. Raja Kelantan Ibn al-Marhum Sultan Muhammad membuat surat yang bertarikh 14hb Ramadhan 1323H yang ditujukan kepada guru yang beliau anggap sebagai

---

<sup>52</sup> Muhammad Bukhari Lubis. Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad, hlm.17.

<sup>53</sup> Ibid., hlm. 18.

orang tuanya iaitu Syeikh Ahmad al-Patani bertanya tentang perkara-perkara yang ajaib dalam tarekat Ahmadiyah itu.<sup>54</sup>

Di antara isu tasawuf yang menjadi perhatian masyarakat dan sultan Kelantan ketika itu ialah mengenai inkisyaf al-ghaib dan majzub. Sebagai respon terhadap surat sultan Kelantan tersebut, Syeikh Ahmad al-Patani telah mengarang sebuah kitab yang berjudul *Mir'atul A'ajib*. Berdasarkan fahaman beliau dari kitab-kitab tasawuf, bahawa majzub itu ada empat bahagian. Yang pertama ialah mereka yang ditarik oleh Allah S.W.T. kepada beberapa hal yang mulia dan kepada maqam-maqam (kedudukan) yang tinggi pada tempoh masa yang sangat singkat, pada masa yang sama lenyaplah akalnya, maka berlalulah ia di atas hal-hal atau maqam itu dengan begitu cepat<sup>55</sup>.

Dalam konteks ini, beliau memberi contoh seseorang yang menaiki kapalterbang untuk ke destinasi tertentu dalam masa dua jam setengah sahaja dimana kalau menggunakan kenderaan darat akan memakan masa lebih kurang seminggu. Begitulah bandingan orang majzub untuk sampai kepada Allah S.W.T. dengan perjalanan orang bersuluk (orang berjihad untuk sampai kepada Allah melalui tarekat yang diambil dari guru yang ahli). Maka majzub inilah yang dikehendaki oleh al-Imam al-Rabani Muhammad Abi al-Mawahib al-

<sup>54</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*. (Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 1977), hlm. 45. Lihat juga Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*. (kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1992), hlm.99.

<sup>55</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Mir-Atil A'ajib*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 2002), hlm.7.

Syazali yang artinya “suluk berjalan melalui jalan lurus dan majzub ini sisi sufi mandul”<sup>56</sup>.

Majzub yang kedua menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah majzub seperti yang pertama juga, tetapi ada kesedaran dan turunnya dari satu maqam kepada satu maqam, demikianlah hingga hasil baginya tetap (istiqamah) dan pasti (tahqiq) pada setiap maqam daripada maqam sekalian. Maka majzub inilah yang dikehendaki pada kata-kata Syeikh Muhammad Abi al-Muwahab yang ertiannya, “tetapi diantara orang-orang majzub, mereka dikembalikan kepada jalan-jalan memperadabkan. Maka majzub inilah dikatakan bertemu semasa turunnya dengan suluk yang sedang naik (suluk dikatakan taraqi dan majzub dikatakan tadli)<sup>57</sup>.

Manakala yang ketiga pula ialah majzub yang tiada lenyap akal sekali-kali, maka majzub inilah yang dikehendaki dengan Syeikh al-Muwahib yang ertiannya “majzub yang jaga afshal daripada majzub yang terhapus dengan sifat Tuhan yang mahi”. Dan terakhir ialah suluk yang majzub, iaitu seorang murid atau suluk yang majzub dimana pada seketika dilenyapkan akalnya. Inilah yang dimaksudkan oleh Syeikh Abi al-Muwahib yang ertiannya, “seseorang yang sempurna itu ialah yang berhimpun padanya antara mabuk dan sedar dan antara ditetap dan dihapuskan”<sup>58</sup>.

---

<sup>56</sup> Ibid., hlm. 8. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan , hlm. 33.

<sup>57</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Mir-Atil**, hlm. 10.

<sup>58</sup> Ibid., hlm.11. Lihat juga penjelasan Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.34.

Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan lagi bahawa menurut Abi al-Muwahib “tidak berhimpun di antara dua yang bertentangan, kecuali mereka yang ada baginya ketetapan pada benar dengan yang sebenar disamping ilmu dan ta'mkin”. Majzub yang seperti inilah barangkali yang dipersetujui dan dinukil dari Syeikh Abi Madyan al-Maghribi bahawa yang dimaksudkan pada tarekatnya dengan mendekatkan jalan kepada semua muridnya. Maka ini bererti memindahkan mereka (murid-murid) ke tempat futuh (tempat awam/ terbuka) tanpa melalui “alam malakut”. Hal ini adalah dibimbingi keasyikan mereka akan keajaiban dan keindahannya akibat daripada futuh (tempat yang terbuka) inilah lalu mereka berani dan mudah memperkatakan soalan-soalan yang berhubung dengan kasyaf, sedangkan bercakap sesuatu yang dilihat dalam kasyaf (secara terbuka) adalah dilarang<sup>59</sup>. Dalam istilah lain mengenai majzub dalam tasawuf ialah murad, yang ertinya orang yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Dalam hal ini, Syeikh Ahmad al-Patani mengutip pendapat ibn Ibad dalam kitabnya “Syarah Hikam” yang ertinya “Allah telah menjadikan mereka yang ditentukan dengan inayah dan pilihan bagi menjadi wali kepada dua bahagian, iaitu mereka yang dikehendaki (muradin) dan mereka yang berkehendak (muridin). Dan boleh juga dikatakan yang pertama majzubin dan yang kedua salikin<sup>60</sup>.

---

<sup>59</sup> Ibid., hlm.35.

<sup>60</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Patani, **Mir-Atil**, hlm.18.

Berdasarkan firman Allah dalam surah al-Syura, ayat 13, Syeikh Ahmad al-Patani menerangkan lagi tentang hal ini (majzub dan suluk). Perkataan man yasya' di dalam ayat tersebut menunjukkan kepada majzub, iaitu yang disebut muradin ini dapat difaham kerana man yasya' itu sendiri membawa makna menghendaki dalam bahasa Melayu. Manakala perkataan man yunib dalam ayat tersebut menujukkan kepada suluk, iaitu yang disebut muridin dan yunib itu sendiri membawa makna kembali dalam bahasa Melayu<sup>61</sup>.

Dengan adanya perbandingan di atas, iaitu kepada Allah melalui suluk mujahadat dapatlah difaham dari ayat al-Quran di atas bahawasanya harus bagi Allah dengan qudrat iradat-Nya memilih hamba-Nya yang dikehendaki untuk menjadi seorang majzub, sekalipun hamba itu jahil atau banyak melakukan maksiat, sama ada lelaki atau perempuan, dewasa atau kanak-kanak, malahan orang yang belum baligh lebih mudah mendapat majzub. Mereka lebih cepat menerima segala macam waradat dari ilmu-ilmu yang bersifat rabbaniyah berupa aneka cahaya yang menyinari dada yang menembusi batin lebih lagi sinaran cahaya tersebut pada waktu berzikir. Syeikh Ahmad al-Patani seterusnya mengutip firman Allah dalam surah al-Ra'du, ayat 38 yang ertiannya "bukanlah dengan menyebut Allah itu menjadi segala hati-hati itu tetap"<sup>62</sup>.

Demikianlah halnya di antara jawapan Syeikh Ahmad al-Patani terhadap soalan yang dikirim oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Kelantan mengenai

<sup>61</sup> Ibid., hlm. 13. Lihat juga penjelasan Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.36.

<sup>62</sup> Ibid., hlm. 36.

majzub dalam istilah sufi. Beliau kemudian menasihatkan agar semua mukalaf berkewajipan mengerjakan yang ma'ruf dan menjauhi yang munkar serta menggalakkan supaya bertaubat daripada dosa dan mengawasi anggota tujuh dari maksiat. Peliharakan mata daripada melihat yang haram seperti melihat perempuan ajnabi (bukan muhrim), pandang kepada muslim untuk menghinakan mereka dan sebagainya<sup>63</sup>.

---

<sup>63</sup> Ibid., hlm.37.